



***BURUNG
GAGAK***

dengan



***BURUNG
HANTU***





Rangkaian dari Hikayat "Kalilah dan Dimnah"

**CHERITA
BURUNG GAGAK
DENGAN
BURUNG HANTU**

Oleh

ABBAS HAKIM.

楊貴蓮珍慶
Kalokai Yang Gwan Yee

Di-terbitkan oleh:-

PUSTAKA ANTARA

531, Batu Road,

Kuala Lumpur.

Pendahuluan.

Cherita "Burung Gagak Dengan Burung Hantu" ini adalah salah satu cherita yang di-petek dari buku "Hikayat Kalilah dan Dimnah".

Hikayat "Kalilah dan Dimnah" ini telah diterjemahkan kedalam beberapa bahasa, menurut ahli² penyelidik cherita² lama, bahwa pengarangnya ialah seorang alim bangsa Hindu, cherita ini ditulis adalah atas perintah rajanya, yaitu Maharaja Dabshalim, yang memerintah kira² dua puluh abad yang lalu.

Terjemahan yang pertama sekali ialah kedalam bahasa Arab oleh Ibnul Muqaffa kira² pada tahun 750M. Ibnul Muqaffa ialah seorang jurutulis "ABU JA'AFAR MANSUR" Khalifah Bani Abbas. Dalam kata pengantar-nya diterangkan-kannya ketinggian nilai hikayat ini, dan terjemahan kedalam bahasa Arab inilah menjadi pokok terjemahan kesegala bahasa.

Oleh kerana jalan cheritanya tersangat indah, dan banyak mengandungi nasehat² serta pelajaran yang sangat berguna untok panduan hidup, maka inilah yang mendorong hati penulis menterjemahkannya kebahasa Melayu dengan maksud untok menambah lagi perpustakaan Melayu dalam usaha memperluas lagi kesusasieraan Melayu.

Sekianlah rengkasnya riwayat cherita "Kalilah dan

ABBAS HAKIM.

Dimnah"

Cherita Burung Gagak Dengan Burung Han'u

Ada-lah tumbuh sabatang pohon beringin yang amat besar di-punchak gunong yang tinggi. Pada pohon itu ber-sarang burung gagak tidak tepermanai banyak - nya di-perintah oleh sa-ekor raja-nya. Agak jauh dari pohon itu ada sabuah gua batu tempat kediaman burung hantu, sangat pula banyak-nya, dan di-perintah oleh sa-ekor raja-nya pula. Antara kedua bangsa burung itu telah lama timbul perasaan bermusuh, tinggal waktu pechah-nya sahaja lagi. Maka pada satu malam yang gelap gulita keluar-lah raja burung hantu bersama - sama dengan bala tentera-nya, pergi menyerang tempat kediaman burung gagak. Dalam kaadaan yang gelap gulita itu tiada-lah gagak berdaya menangkis serangan musuh - nya, maka banyak-lah yang mati dan luka-luka.

Satelah hari siang berhimpun-lah ra'ayat gagak menghadap raja-nya, mengadukan hal mereka samalam itu " Ampun tuanku

beribu-ribu ampun," sembah mereka itu. "Malang chelaka kita ini di-serang oleh burung hantu samalam-malaman. Beratus-ratus dari ra'ayat kita yang mati, dan yang tinggal banyak pula yang patah-patah, banyak yang luka-luka, dan yang habis terchabut bulu-nya, ada yang banyak menanggong bermacam-macam kesengsaraan. Dalam pada itu lebih-lebih takut kami, kalau musuh itu berulang-ulang menyerang kita. Pada hal tiadalah daya upaya kita, melainkan memohonkan perlindungan tuanku juga semata-mata. Jika tiada tuanku melindungi binasalah kita semua-nya".

Di-bawah raja gagak ada lima orang menteri yang membantu memerintah, dan lawan raja bermashuarat sehari-hari. Mendengar sembah hamba ra'ayat-nya kelima-lima menteri-nya itu di-ajak berunding.

"Engkau, hai menteriku yang pertama, bagaimanakah pemandanganmu? Apakah yang baik kita perbuat terhadap musuh kita itu?".

"Ampun tuanku, pemandangan patek tiada lain melainkan apa yang telah di-petuakan oleh cherdek pandai jua, ya'ni musuh yang jahat hendaklah di-jauhi. Jadi jika hendak

selamat, haruslah kita pindah dari sini, pergi diam katempat lain”.

“Engkau, hai menteriku yang kedua, apa pula pemandanganmu?,, kata raja setelah mendengar sembah menteri yang pertama.

“Ampun tuanku, pendapat patek sesuai dengan pendapat saudara yang pertama,,

“Pada hematku,, sabda raja gagak, “belumah perlu kita meninggalkan tempat kita ini, kalau hanya baru sekali itu kita diserang musuh. Jauh lebih baik kita kumpulkan balatentera kita, kita chuba mendatangi musuh itu katempat-nya. Siapa tahu kalau-kalau dapat kita mengalahkan mereka. Sunggohpun demikian, hai menteriku yang ketiga, engkau apa pula kah pemandanganmu?,,

“Ampun tuanku, patek tiada sesuai dengan kedua saudara patek itu. Pendapat patek baiklah kita utus mata-mata untuk menyelidiki apa kemahuan burung hantu itu memerangi kita. Jika maksud-nya hanya hendak beroleh harta, baiklah kita berdamai sahaja, dan kita berjanji akan membayar ufti kapadanya, berapa patut-nya tiap-tiap tahun. Raja yang bijaksana tidak sayang mengeluarkan

harta untuk menjaga diri, ra'ayat dan kerajaan daripada bahaya musuh”.

Setelah raja gagal mendengar kata menteri yang ketiga, bertanyalah pula ia kepada menteri yang keempat. “Engkau apa pula pemandanganmu, hai menteriku?”

“Ampun tuanku, patek tiada sesuai dengan pendapat saudara patek yang ketiga itu. Daripada membayar kepada musuh yang jauh lebih hina daripada kita, relalah patek pindah dari tempat ini. Lebih-lebih pada hemat patek tiada juga akan suka burung hantu menerima ufti kita itu, kechuali kalau kita mahu membayar lebih daripada yang patut. Orang tua-tua telah berkata, dekati-lah musuh-mu sakadar-nya, supaya terchapai apa yang engkau maksud. Tetapi jangan terlalu engkau dekati, supaya jangan di-pijak-nya kepalamu. Oleh itu patek sesuai dengan pendapat tuanku lebih baik kita perangi musuh itu.,.

Maka bertanya pula raja gagal kepada menteri-nya yang kelima. “Engkau, apa pulakah pemandanganmu hai menteriku yang bijaksana? Berperangkah, damaikah atau pindah dari sini? ,.,

“Ampun tuanku beribu-ribu ampun,,. sembah menteri itu. “Tiadalah jalan bagi kita

memerangi musuh yang tiada berdaya kita melawan-nya. Orang tua-tua berkata, barangsiapa yang tiada tahu diri, tiada pula tahu akan musuh-nya, berani memerangi orang yang tiada akan terlawan oleh-nya, ia membinasakan diri-nya sendiri nama nya. Orang yang cherdek tiada sekali-kali mahu memandang rendah kepada musuh. Orang yang memandang musuh-nya rendah, mudah terpedaya, dan orang mahu di-perdayakan musuh, tiada akan selamat. Patek sangat takut akan burung hantu itu. Orang yang bijaksana senantiasa berhati-hati menjaga musuh-nya, baik jauh tempat-nya apalagi dekat. Orang yang bijaksana sentiasa akan mengelakkan perang sedapat-dapat-nya, kerana kurban yang di-minta peperangan itu sangatlah besar. Di-luar peperangan hanya harta, atau perbuatan yang baik atau fikiran yang mulia yang di-kurbankan orang. Jadi patek tidak setuju dengan pendapat tuanku hendak berperang. Kerana berperang dengan musuh yang lebih kuat itu arti-nya membunuh diri. Sungguhpun demikian patek ingin hendak mengemukakan satu usul kepada tuanku yang harus di-rahsiakan. Rahsia banyak pula macham-nya, ada yang

boleh di-ketahui oleh sa-kaum keluarga, ada yang boleh di-ketahui seluruh kampung, dan ada yang hanya boleh di-persaksikan oleh empat telinga dan dua lidah saja. Rahsia yang hendak patek katakan kepada tuanku ini masuk bahagian yang akhir itulah”.

Mendengar kata menteri itu bangunlah raja dari tempat duduk-nya, masok ka-dalam bersama-sama dengan menteri itu. Satelah kedua-nya duduk bertanyalah raja, “Apakah asal mula-nya maka burung hantu bermusuhan dengan gagak?,,.

“Ampun tuanku, akan permusuhan itu tiada lain sebab-nya melainkan dari pada mulut jua asal-nya,,.

“Bagaimanakah mula-nya? Cheritakanlah kepadaku”.

“Padu suatu waktu dulu kala, berhimpunlah burung bangau memilih burung hantu jadi raja. Tiba-tiba datang ka-tempat itu sa-ekor gagak. Maka berkatalah bangau kepada gagak, patutkah burung hantu mereka rajakan?,,.

“Pada pendapatku,, kata gagak, “sekalipun di-dunia ini sudah tiada ada lagi burung

mereka dan burung lain-nya, belum juga kamu akan terpaksa memilih burung hantu jadi raja. Bagaimana ia patut jadi raja, pada hal di-antara segala burung dialah yang amat buruk rupa-nya, sangat jahat kelakuan-nya, pendek akal-nya, pemaarah, tak ada pada hati-nya yang pengasah, mata-nya tidak nampak pada siang hari. Benar, boleh juga dia di-jadikan raja, kalau hanya raja pada nama dan kekuasaan-nya terpegang di-tanganmu bersama-sama. Sudahkah kamu mendengar arnab yang mengaku beraja kapada bulan?"

"Belum, cheritakanlah kapada kami!".

"Ada suatu hutan tempat kediaman gajah, sekali peristiwa datanglah musim kemarau dan keringlah segala telaga dalam hutan itu. Maka kehausanlah gajah kesemuanya. Pada suatu hari dengan perintah raja, keluarlah beberapa ekor gajah pergi menchari tempat yang ada ayer. Beberapa lama antaranya, pulanglah sa-ekor mencheritakan, bahwa ia ada bertemu ayer pada suatu telaga, "Telaga Bulan" nama-nya. Mendengar khabar baik itu berangkatlah raja gajah dengan ra'ayat-nya hendak minum ka-sana. Ada pun telaga itu terletak dalam hutan tempat kediaman arnab. Maka banyaklah arnab-arnab binasa di-pijak oleh gajah, dan lubang

tempat kediaman-nya habis rosak binasa samua-nya. Binatang yang lemah itu pun berhimpunlah semua-nya mengadukan hal-nya kepada raja-nya supaya memohon di-lindungi”.

“Hai ra'ayatku” seru raja arnab, “Barang siapa di-antara kamu yang ada mempunyai pemandangan bagaimana akan menghindarkan dari bahaya itu, maka hendaklah pemandangan itu di-kemukakan-nya”.

“Ampun tuanku” sembah sa-ekor arnab yang sudah tua. “Jikalau tuanku perchaya kepada patek, biarlah patek pergi kepada gajah itu, dan dengan budi akal patek, patek akan usir mereka dari sini. Jika tuanku kahendaki, biarlah sa-orang yang tuanku perchaya menemani patek dalam pekerjaan ini”.

Tiadalah terperikan sukachita raja mendengarkan kata arnab itu. Raja mengtahui yang berkata itu ia-lah sa-orang yang bijaksana. “Pergilah sendiri”, kata raja, “Aku perchaya kepadamu. Sungguhpun demikian ingatlah utusan menjadi wakil bagi diri yang mengutus-nya. Sebab itu hendaklah engkau berhati-hati, sabar dan berdada lapang, supaya terchapai yang di-maksud. Dan

jagalah jangan engkau melakukan pekerjaan yang akan mendatangkan chelaan kepada yang mengutus”.

Maka pada suatu malam yang di-terangi sinar bulan, keluarlah arnab tua itu menuju tempat perhentian gajah. Dekat sampai ka-tempat itu, naiklah ia ka-atas sa-buah bukit kechil dan berseru-serulah ia:

“Hai gajah!” kata-nya, “aku ini utusan M a h a r a j a Bulan kepada mu, akan menyampaikan perentah-nya, oleh sebab itu janganlah gusar kepada ku jika kata-kata yang akan ku sampaikan ini agak terdengar ka-telinga-mu.”

“Apakah perentah itu?” tanya raja gajah.

“Bulan bertitah, barangsiapa mengatahui diri-nya kuat, kemudian ia berbuat aniaya kepada makhluk yang lemah, maka tak dapat tiada kekuatan-nya itu akan menjadi benchana juga atas diri-nya. Engkau ini hai raja gajah, tahu, bahwa dirimu jauh lebih kuat dari orang lain. Oleh sebab itu engkau telah takbur. Dengan sa-suka hatimu telah engkau kotorkan telagaku, engkau kerohkan ayer-nya. Maka ku utus utusan-ku untuk memberi ingat. Jika sekali lagi engkau berbuat begitu,

ku butakan matamu dan ku binasakan jiwamu. Jika engkau kurang perchaya akan kata utusan ku itu, datanglah engkau ka-telaga sekarang juga neschaya engkau akan bertemu dengan daku di-sana”.

Timbul takut raja gajah dalam hati-nya mendengar kata arnab itu, dan berjanjilah ia bersama-sama ka-telaga. Makin bertambah-tambah takut-nya ketika melihat ka-dalam ayer dan kelihatan oleh-nya bayang-bayang bulan dalam telaga.

“Tuanku ambil-lah ayer dengan belalai”, kata arnab, “basuhlah muka dan sujudlah menyembah Maharaja Bulan”.

“Demi g a j a h memasukkan belalai-nya ka-dalam ayer, beriaklah ayer dan bergerak-geraklah bayang-bayang bulan.

“Mengapakah muka Maharaja Bulan bergerak-gerak?” kata-nya. “Murkakah ia kerana aku memasukkan belalaiku ka-dalam telaga?”.

“Tentu ia murka”, jawab arnab.

Maka sujudlah raja gajah kepada bulan, dan tobatlah ia dalam hati. Malam itu juga ia berangkat pulang bersama-sama dengan hamba ra'ayat-nya.

“Lain dari itu”, kata gagak pula, “burung hantu itu tiada mempunyai sifat



• “Mengapakah muka Maharaja Bulan bergerak-gerak?” berkata gajah.

keperchayaan. ia suka menipu dan memperdayakan orang lain. Oleh kerana itu amatlah besar bahaya-nya ia di-jadikan raja. Barang siapa tunduk kepada raja penipu, samalah hal-nya dengan pelandok dan puyuh yang pergi mengadukan hal-nya kepada kucing”.

“Cheritakanlah pula hikayat-nya kepada kami”, kata burung bangau yang banyak itu.

“Ada tetanggaku sa-ekor puyuh membuat sarang di-pangkāl pohon kayu, dekat dengan tempat kediamanku. Ia biasa datang bertandang ka-rumahku. Pada suatu waktu hilanglah dia, tidak ku ketahui kemana pergi-nya. Lalu datanglah ka-tempat itu sa-ekor pelandok diam di-lubang puyuh itu. Kerana aku tidak ingin berseliseh dengan dia, tiadalah ku pedulikan perbuatannya itu. Ada beberapa hari kemudian, datanglah puyuh kembali. Alangkah terperanjat-nya melihat sarang-nya di-diami pelandok.

“Ini rumahku”, kata puyuh, “keluarlah engkau dari sini”.

“Rumahku” jawab pelandok, “Aku yang mendiami-nya. Jika engkau mengaku yang empunya, apa tanda-nya?”.

Kedua binatang itu pun berbantah-bantah, makin lama makin keras suara-nya, sa-orang pun tidak mahu kalah. Akhir-nya berkata puyuh: "Jika demikian marilah kita berhukum kepada hakim".

"Siapakah yang akan jadi hakim?" tanya pelandok.

"Di-tepi sungai ada ku lihat sa-ekor kucing bertapa. Tiap hari ia puasa, dan sepanjang malam ia sembahyang. Kata orang tidak pernah ia menumpahkan darah dan menyakiti orang. Marilah pergi kapada-nya."

Maka pergilah kedua binatang itu menchari kucing. Melihat pelandok datang bersama-sama dengan puyuh, kucing pun segera berdiri sembahyang dengan khusu'-nya. Makin bertambahlah perchaya kedua binatang itu akan kesalehan-nya. Setelah dekat memberi salamlah kedua-nya seraya berkata, sukaiah ia jadi hakim untuk menyelesaikan perselisihan yang terjadi antara kedua mereka itu. Maka mulailah puyuh bercherita akan sebab-sebab-nya perselisihan itu.

"Aku ini telah tua", kata kucing, "dan telingaku sudah pekak. Sebab itu dekat-dekatlah kemari sedikit".

Kedua binatang itu pun datanglah dekat, dan puyuh mengulangi ceritanya sekali lagi.

Selesai puyuh bercerita, kata kucing: "Sebelum hukuman ku jatuhkan lebih baik ku nasehati kamu lebih dahulu. Pertama hendaklah kamu takut Allah dan janganlah menchari yang lain dari yang baik. Orang yang berdiri di atas kebenaran, itulah yang menang, sekalipun kalah dalam bicara. Dan orang yang berdiri di antara yang salah, ia tetap kalah, sekalipun perkara-nya menang. Tiada daripada dunia ini yang dapat dimiliki seseorang selain daripada apa yang saleh yang dikerjakannya selama hidupnya. Sebab itu hendaklah orang yang budiman berusaha mengerjakan pekerjaan yang kekal faedahnya, dan dapat menolongnya di-esok hari. Bagi orang yang berakal, harta tiada lebih harganya daripada bidang tanah yang kering. Oleh sebab itu di-pandang-nya orang lain sebagai ia memandang diri-nya sendiri juga.."

Bertambah perchayalah juga kedua binatang itu kepada kucing, setelah mendengar kata-kata yang manis dan nasehat yang indah-indah, lupalah kedua-nya akan

16



Kuching sedang mendengar pengaduan puyuh dan pelandok.

bahaya yang mungkin menimpa mereka. Tiba-tiba melompatlah kucing menerkam dan membunuh kedua-nya. Demikianlah orang yang perchaya kepada hakim yang tidak jujur.

Sifat yang busuk seperti itu ada pada burung hantu. Oleh sebab itu aku nasehat-kan janganlah ia di-jadikan raja”.

Kerana nasehat gagak, tiadalah jadi burung hantu di-jadikan raja oleh bangau. Malang bagi gagak semua kata-kata-nya itu kedengaran oleh burung hantu, kerana ia ada di-situ.

“Engkau telah berbuat tiada baik kepadaku”, kata-nya kepada gagak, “Pada hal aku tiada pernah berbuat jahat kepadamu, yang patut engkau balas demikian. Ketahuilah olehmu hai gagak, pohon kayu yang di-tebang dengan kapak, tak lama kemudian keluar tunas-nya dan tumbuh pula kembali. Badan yang hanchur kena pedang, mungkin luka-nya sembuh. Tetapi luka kerana lidah tak ada obat-nya dan tidak mungkin sembuh selama-lama-nya. Panah yang lepas dari busar-nya menembus kulit dan daging, dapat di-chabut dan di-keluarkan. Tetapi panah

yang keluar dari mulut, apa bila menusuk hati, tiada dapat di-chabut lagi. Tiap-tiap yang membakar ada yang dapat memadaminya. Api di-padami dengan ayer, sakit di-lawan dengan obat, dan kesusahan dapat di-padami dengan sabar. Tetapi api dendam tiada yang dapat memadaminya, dan engkau hai gagak, hari ini telah menanamkan benih permusuhan antara kami dengan kamu”.

Satelah ia berkata demikian, terbanglah ia pergi mengabarkan hal itu kepada raja-nya.

Gagak pun menyesal-lah atas perbuatannya yang tiada di-fikirkan-nya itu. “Demi Tuhan”, kata-nya, “sa-sungguh-nya besar kesalahanku mengeluarkan kata-kata yang samata-mata mendatangkan permusuhan terhadap diriku dan bangsaku. Mengapakah maka tidak aku diam saja? Burung yang lain pun tentu mengtahui juga apa yang aku ketahui itu, boleh jadi. Tetapi kerana takut akan bahaya yang akan terbit, mereka diam saja. Perkataanku tadi sama hakikat-nya dengan anak panah yang berachun. Orang cherdek tiada mahu menchari permusuhan, sekalipun ia tahu diri-nya kuat. Adakah tukang obat yang mahu meminum rachun

kerana hendak mengetahui akan obat-nya? Bukankah bodoh nama-nya, aku berani berkata-kata tentang sa-suatu perkara yang besar, dengan tiada berunding dengan sa-saorang juga, dan tiada pula mahu berfikir menimbangkan lebih dahulu? Barang siapa yang tiada mahu bermashuarat dengan orang pandai-pandai, dan berani membuat sa-suatu menurut kemahuan-nya sa-mata-mata, dengan tiada menimbang baik buruk-nya, tak dapat tidak akan menyesal juga sudah-nya”.

Maka menyesal-lah gagak. Tetapi sesal kemudian kata orang tua-tua tidak ada guna-nya.

“Demikianlah mula-nya maka timbul permusuhan itu, tuanku. Menurut pendapat patek, tiada cukup kekuatan kita untuk memerangi musuh itu. Sungguhpun demikian ada akal yang hendak patek chubakan, mudah-mudahan ada hasil-nya kelak. Banyak orang yang telah menchapai maksud-nya samata-mata dengan akal-nya. Belumkah tuanku mendengar cherita beberapa orang penipu, degan mudah-nya merampas sa-ekor kambing sa-orang pertapa dari tangan-nya?”.

Bagaimanakah cherita-nya, hai menteri-ku?”.

“Sa-orang pertapa telah membeli sa-ekor kambing yang gemuk hendak di-jadikan-nya korban, dan berjalanlah ia pulang ka-rumah-nya membawa kambing itu. Di-tengah jalan ia bertemu dengan beberapa orang, bukan orang baik-baik. Melihat pertapa menuntun kambing, bermuafakatliah mereka itu hendak memperdayakan-nya. Sa-orang dari mereka datang kepada pertapa dan berkata: “Hai pertapa, mengapakah tuan menuntun anjing?” Sudah itu datang sa-orang lagi dan berkata: “Orang ini bukan-nya orang ‘alim, kerana orang ‘alim tiada mahu membawa anjing”. Demikianlah berganti-ganti mereka datang kepada pertapa itu mengatakan, yang di-tuntun-nya itu ia-lah anjing. Akhir-nya perchayalah pertapa bahwa binatang itu sa-benar-nya anjing, tetapi nampak sa-rupa kambing oleh-nya, kerana mata-nya telah di-seherkan si-penjual. Ketika itu juga di-lepaskan-nya binatang itu dan berjalanlah ia dengan sakit hati-nya. Kambing itu di-tangkaplah oleh orang-orang tadi.

“Demikianlah tuanku, kerap kali dengan tipu muslihat manusia menchapai maksud-nya dengan mudah-nya. Patek pun ingin hendak menchubakan suatu tipu daya. Tetapi sa-belum patek melakukan-nya hendaklah

tuanku perentahkan bulu patek ini di-chabut lebih dahulu. Sudah itu berpindahlah tuanku dari sini kepada suatu tempat yang patek akan tunjukkan, dan tinggalkanlah patek sa-orang diri. Mudah-mudahan patek di-tangkap musuh itu dan di-bawa-nya ka-sarang-nya, hingga dapat patek menchari jalan hendak membinasakan-nya dengan sa-mudah-mudah-nya”.

“Akan sukakah hatimu akan di-perlakukan bagitu, hai menteriku?” tanya raja gagak.

“Mengapa patek tidak suka tuanku, pada hal di-situ terletak kasejahteraan tuanku dan hamba ra'ayat semua-nya.”

Raja pun bertitah supaya menteri itu di-chabut bulu-nya. Sa-telah selesai pekerjaan itu berpindahlah raja dan hamba ra'ayat-nya ka-tempat yang telah di-tunjukkan oleh gagak itu. Sa-telah malamlah hari, datanglah sa-ekor burung hantu hendak melihat-lihat keadaan gagak. Amat terperanjat ia melihat kerana sa-ekor pun tidak lagi gagak di-tempat itu. Ketika ia hendak pulang terdengar oleh-nya suara sa-ekor gagak mengaduh kesakitan. Lalu di-tangkap-nyalah dan di-bawa-nya ka-hadapan rajanya, serta

sampai ka-hadapan raja burung hantu, bangunlah sa-orang di-antara yang hadzir berbisik mengatakan bahwa gagak itu ia-lah menteri yang sangat di-perchayai oleh rajanya. Maka inginlah raja burung hantu hendak mengtahui mengapakah menteri gagak itu menjadi demikian hal-nya, lalu bertitahlah ia menyuruh gagak mencheritakan hal-nya.

“Ampun tuanku,, sembah gagak. “Pada suatu hari raja patek berunding dengan menteri-menteri-nya memperkatakan apa yang baik di-lakukan terhadap musuh, yaitu bala tentera tuanku. Maka berdatang sembah patek mengatakan tiada berguna melawan, kerana musuh jauh lebih berani dan kuat. Lebih baik, kata patek, berdamai sahaja dan membayar ufti kapada nya. Kalau ada izin musuh tetaplah kita tinggal di-tempat yang lama, tetapi jika tidak hendaklah pindah ka-tempat lain. Tak ada yang dapat melemahkan hati musuh yang keras, lain daripada menundukkan diri, mengikut kemahuan-nya.

Untuk selamat daripada bahaya badan, hanya kerana lemah-nya, mahu menurutkan kamana arah angin. Mendengar kata patek itu marahlah mereka kapada patek, di-kata-



Menteri burung gagak sedang mengadukan hal-nya kepada raja burung hantu.

kan-nya khianat akan bangsa. Lalu di-aniaya-nya patek seperti ini, kemudian di-tinggalkan patek sa-orang diri, dan mereka pun pergilah bersama-sama, tiada patek tahu ka-mana”.

Sangat kasehan hati raja burung hantu mendengarkan cerita gagak itu, “Apakah pemandanganmu tentang gagak ini?” tanya baginda kepada wazir-nya.

“Ampun tuanku,, sembah wazir yang pertama, “pemandangan patek hendaklah segera kita bunuh dia. Dialah di-antara musuh kita yang tertua dan amat bijaksana. Sebab itu kalau ia binasa, selamatlah kita daripada tipu daya-nya, dan musuh kita kehilangan sa-orang besar yang sukar di-chari ganti-nya. Kata orang tua-tua, barang siapa beroleh kesempatan yang baik, tetapi tiada di-pergunakan-nya sabagaimana mesti-nya, maka orang itu bodoh ada-nya. Jarang kesempatan datang dua kali. Orang yang tiada membinasakan musuh waktu dalam kelemahan, akan menyesal melihat musuh itu menjadi kuat dan ia tiada berdaya lagi untuk melawan-nya”.

“Engkau apa pula pemandanganmu, hai wazirku” tanya raja kepada wazir-nya yang lain.

“Ampun tuanku, pendapat patek tiada patut kita bunuh dia, Musuh yang lemah, yang tiada pula sa-orang yang mahu menolong-nya, patutlah ia di-kasehi. Apalagi kalau ia meminta perlindungan pula.”

“Dan engkau apa pula pendapat-mu,” tanya raja kepada menteri-nya yang ketiga.

“Ampun tuanku, pendapat patek, patutlah gagak itu kita pelihara dan kita hidupi. Mudah-mudahan pandai ia membalas kebaikan kita kemudian hari. Perpechahan di-kalangan musuh menjadi satu keuntungan besar bagi kita. Belumkah tuanku mendengar cerita sa-orang pertapa, kerana musuh-nya berseliuh, ia terlepas dari bahaya?”

“Bagaimanakah cerita-nya?”

“Ada sa-orang pertapa mempunyai sa-ekor lembu betina yang banyak ayer susu-nya dan mahal harga-nya. Pada suatu malam datanglah sa-orang penchuri hendak menchuri lembu itu. Waktu itu pula hantu rimba hendak melarikan pertapa itu ka-dalam hutan kalau ia telah tertidur. Di-tengah jalan, kadua yang bermaksud jahat itu bertemu. “Siapa engkau ini?” kata hantu ketika melihat penchuri. “Aku penchuri hendak menchuri

lembu pertapa itu kalau ia telah tidur. Engkau siapa pula?" "Aku hantu hendak melarikan-nya ka-dalam hutan". Sa-telah sampai ka-rumah pertapa itu, bermuafakatlaha-ka-dua penjahat itu menchari jalan bagaimana akan melakukan maksud-nya dengan sa-baik-baik-nya. Kata hantu kepada penchuri: "Kalau engkau churi lembu dahulu, aku takut ia terbangun dan berteriak, hingga datang orang banyak dan tiada sampai muksudku lagi. Sebab itu biarlah ku larikan dia dahulu, sudah itu perbuatlah apa yang engkau kehendaki,," "Kalau engkau larikan ia dahulu" jawab penchuri, "aku kkuatir ia akan terjaga, dan tiada dapat ku churi lembu-nya lagi. Biarlah ku churi lembu-nya dahulu". Ka-dua-nya sama-sama keras, tiada yang mahu mengalah. Sa-telah lama berbantah, sakitlah hati penchuri dan berteriaklah ia: "Hai pertapa, bangunlah, ini hantu hendak melarikan engkau ka-dalam hutan". Hantu pun berteriak pula kerana mendengar penchuri berteriak: "Hai pertapa, bangunlah, ini penchuri hendak menchuri lembu mu". Maka bangunlah pertapa dan orang-orang yang berhampiran rumah dengan senjata-nya. Kedua penjahat itu pun larilah dengan gopoh gapah".

“Patek kkuatir tuanku” kata wazir yang pertama pula. “kalau-kalau gagak itu hanya hendak memperdayakan kita semata-mata. Sebab itu baik juga kita beringat-ingat, supaya jangan menyesal di-kemudian hari nanti”.

Perkataan wazir-nya itu tiada di-pedulikan oleh raja, dan bertitahlah raja menyuruh memelihara gagak dengan sebaik-baik-nya.

Beberapa lama-nya sesudah itu, pada suatu hari berdatang sembahlah gagak kepada raja burung hantu: “Ampun tuanku, beribu ampun! Tuanku telah mengetahui betapa kejam-nya patek di-aniaya oleh raja dan bangsa patek, hingga kalau tiada kurnia tuanku, binasalah jiwa patek. Hati patek sangat luka kerana perbuatan bangsa patek itu, dan rasa-nya tiadalah luka itu akan sembuh sa-belum patek dapat menuntut bela. Akan tetapi apalah daya patek, kerana patek hanya sa-ekor gagak jua. Ada patek dengar orang tua-tua berkata, barang siapa rela dirinya di-bakar jadi abu, maka ia telah mengerjakan perbuatan yang semulia-mulia nama-nya, dan ketika itu segala pinta-nya akan berlaku, apa jua pun permintaannya. Oleh sebab itu jika ada kemurahan tuanku, biarlah patek

28

bakar diri patek ini dan patek pohonkan kapada Tuhan supaya di-hidupkan-nya patek sekali lagi menjadi burung hantu. Ketika itu pulalah patek akan dapat membalas akan dendam patek sa-puas-puas-nya hati patek”.

“Perkataan tuanhamba itu”, jawab menteri yang menyuruh bunuh-nya dahulu, “sa-panjang hemat hamba tiadalah berbeza dengan minuman yang wangi bau-nya dan sedap rasa-nya, tetapi di-dalam-nya tersembunyi rachun yang sangat bisa. Munkinkah pada pemandangan tuanhamba tabiat dan kelakuan tuanhamba saperti laku burung hantu, sekalipun badan tuanhamba telah kami bakar jadi abu? Tabiat yang asal tiada mungkin berubah-ubah selama-lama-nya. Tidakkah tuanhamba mendengar hikayat sa-ekor anak tikus, di-suruh memilih matahari, angin, awan, dan gunung untuk jadi suami-nya, dan akhir-nya kawin dengan tikus juga?”

“Bagaimana cherita-nya?” kata yang hadzir.

“Ada sa-orang pertapa yang sangat saleh, makbul segala doa-nya. Pada suatu hari sedang ia duduk bertapa di-tepi laut, melintas-

lah sa-ekor burung lang menerbangkan anak tikus di-atas kepala-nya. Sa-konyong-konyong anak tikus itu terlepas dari genggamannya lang itu, dan jatuh di-hadapan pertapa. Demi pertapa melihat binatang yang lemah itu, kasihanlah hati-nya, lalu di-pungut-nya, di-selimutkan-nya dengan kain-nya dan di-bawa-nya pulang. Di-rumah di-doakan-nya supaya anak tikus itu di-jadikan Tuhan, jadi manusia, dan dengan sa-ketika juga menjelmalah ia jadi sa-orang anak perempuan yang sangat baik paras-nya. Anak itu di-pelihara dengan sa-baik-baik-nya oleh pertapa dua suami isteri. Sa-telah besarlah ia, berkatalah pertapa kepada-nya: "Hai anak ku, pilihlah oleh mu siapa yang berkenan di-hatimu untuk jadi suami mu, boleh ku pinang."

"Jika ayah suruh memilih," jawab anak itu, "maka hamba tiadalah akan bersuami, melainkan dengan yang sa-kuasa-kuasa-nya di-dunia ini."

"Kalau begitu mataharilah agak-nya yang engkau ingini, hai anak ku," kata pertapa pula. Lalu pergilah ia kepada matahari.

"Hai raja siang," kata pertapa itu. "saya ada beranak perempuan sa-orang. Ia ingin hendak

bersuamikan yang paling berkuasa di-dunia ini. Pada pemandangan hamba tiadalah yang lebih berkuasa daripada tuan hamba. Sebab itu bertanyalah hamba, "sukakah tuan hamba jadi suaminya?"

"Ada lagi yang lebih berkuasa daripada ku", jawab matahari, yaitu awan. Ia berani melindungi cahayaku dari muka bumi, dan menycliputi mukaku, h i n g g a tiadalah aku menampak dunia lagi. Pergilah bapa kapada-nya."

Orang tua itu pun pergilah kapada awan, dan berkatalah pula ia saperti kapada matahari.

"Ada juga yang lebih berkuasa daripada aku lagi", jawab awan. "Yaitu angin yang dengan sa-kehendak h a t i - n y a dapat menerbangkan daku ka-barat dan ka-timur. Pergilah bapa kapada-nya".

Maka pergilah orang tua itu kapada angin.

"Aku bukanlah yang paling berkuasa", kata angin. "Ada yang lebih besar kuasa-nya daripada ku y a i t u gunung. Bagaimanapun kenchang-nya aku bertiup, namun ia tiada juga dapat ku gerakkan".

Pertapa itu pergilah pula kepada gunung di-katakan-nya pula permintaan-nya.

“Bukan aku yang paling berkuasa”, jawab gunung. Tikus lebih berkuasa dari padaku. Tiada terlarang olehku ia menggali punggungku, dan membuat lubang tempat ia diam. Pergilah bapa kapa-nya!”.

Mendengar kata gunung. pergilah orang tua itu kepada tikus, dan di-katakan-nya permintaan anak-nya. Jawab tikus: “Bagaimana aku akan kahwin dengan anak bapa, kerana ia manusia dan aku ini tikus”.

Ketika itu dengan izin si-anak, mendoalah pertapa itu supaya Tuhan mengembalikan anak-nya itu menjadi tikus kembali.

Maka jadi tikuslah ia, dan kahwinlah ia dengan raja tikus itu.

Demikianlah kejadian yang asal itu tiada akan dapat berubah-ubah selama-lama-nya.

Sekalipun cherita wazir itu di-dengarkan oleh raja burung hantu, jangankan ia benchi kepada gagak, bertambah-tambah sayang-nya yang ada. Satelah ia jadi keperchayaan raja, mulailah gagak menyelidiki segala yang perlu di-ketahui-nya, dan demi chukuplah penyelidik-

kan-nya. pergilah ia pada suatu hari menemui raja-nya. Kapada raja-nya itu di-kabarkan-nya bahawa pekerjaan-nya telah selesai, dan hendaklah pada suatu hari raja menyuruh ra'ayat mengumpulkan kayu kering di-muka pintu gua tempat kediaman burung hantu itu.

Arkian setelah banyaklah kayu kering terkumpul, maka pada suatu hari di-bakar-nyalah kayu kering itu, sahingga semua burung hantu yang ada di-dalam gua itu pun matilah, barang sa-ekor pun tiada yang terlepas. Akan raja gagak pulanglah kembali ka-tempat kediaman-nya sa-mula, bersama-sama dengan hamba ra'ayat-nya, dan bersuka rialah semua-nya.

Shahadan pada suatu hari bertanyalah raja gagak kapada menteri-nya itu: "Hai menteriku, bagaimanakah jalan-nya maka dapat engkau menahan hatimu bersahabat dengan burung hantu dan bergaul sedemikian lama-nya? Biasa-nya orang baik-baik tiada tahan tinggal bersama-sama dengan orang jahat".

"Ampun tuanku,, sembah menteri gagak, akan sabda tuanku itu sa-benar-nyalah

demikian. Akan tetapi apabila datang sa-suatu perkara kepada orang yang bijaksana, yang mungkin mendatangkan bahaya besar kalau tidak di-pikul-nya, maka haruslah ia sabar memikul-nya, sa-kalipun bagaimana juga pahit-nya. Kesabaran itulah kunci kemenangan dan kebahagiaan.”

“Cheritakanlah kepada-ku hai menteri-ku; banyakkah di-antara ra'ayat burung hantu itu yang cherdek dan bijaksana?”

“Tiada bersua patek dengan orang yang bijaksana di-antara mereka itu, lain daripada yang menasehati raja-nya supaya membunuh patek. Akan tetapi nasihat-nya itu tiada di-dengarkan oleh raja. Rupa-nya raja itu lupa, bahwa patek akan melakukan tipu muslihat atas diri mereka. Oleh kerana itu tiada mereka sembunyikan rahsia-nya, dari patek, pada hal orang tua-tua telah berkata: “Patutlah raja menjaga rahsia-nya, jangan sa-kali-kali di-buka-nya walau kepada siapa jua pun.”

“Kalau begitu,” kata raja gagak pula, “kerana pemandangan-nya yang pendek jumlah rupa-nya maka raja burung hantu itu binasa, lagi amat perchaya kepada wazir yang tidak setia.”

“Sa-benar-nya demikinlah tuanku,” jawab menteri itu pula. “Jarang orang besar-besar yang tiada mabuk kerana kebesarannya. Jarang orang yang banyak makan yang tiada sakit, dan jarang raja yang perchaya kapada wazir yang tidak setia yang tiada rugi akhir kesudahan-nya. Orang pandai-pandai berkata, janganlah orang yang takbor harap akan di-puji orang, janganlah penipu akan beroleh teman yang banyak, yang jahat laku akan mulia, yang loba akan terpelihara daripada dosa. Dan jaranglah raja yang tiada berhati-hati, yang kurang siasat wazir-nya, harap akan kekal kerajaan-nya dan sejahtera ra'ayat-nya.

“Benar katamu itu, hai menteriku, tak akan hilang dari ingatan-ku selama-lama-nya, betapa berat penanggunganmu selama menghambakan diri kapada musuh itu”.

“Ampun tuanku”, jawab menteri gagak, “orang yang berani menderita kesusahan yang jadi jalan untuk menchapai kemenangan bagi-nya, orang itu tak dapat tidak berbahgia jua akhir kesudahan-nya. Tidakkah tuanku mendengar bagaimana ular merendahkan dirinya mahu menjadi keenderaan raja katak,

supaya dengan mudah-nya juga ia beroleh makanan setiap hari?,,.

“Cheritakanlah supaya ku dengar!,,

“Kata yang punya cerita, ada sa-ekor ular yang sudah hilang tenaga nya, rabun mata-nya kerana sudah terlalu tua umur-nya. Maka taidalah ia kuasa memburu mangsa-nya lagi. Pada suatu hari merayaplah ia keluar dari sarang-nya, sampai kepada sa-buah kolam yang banyak di-diami katak. Kolam itu dahulu telah kerap kali di datangi-nya. Serta sampai berbaringlah ia seperti laku orang berdukachita. Maka bertanyalah sa-ekor katak kepada-nya: “Hai ular, apakah sebab-nya ku lihat engkau berdukachita?,,.

“Bagaimana aku tidak akan berdukachita,, jawab ular. “Engkau pun tabu aku ini hidup dengan memakan bangsamu. Akan tetapi sejak ini ka-atas, tidaklah aku akan menangkap katak lagi, kerana diriku telah kena sumpah orang. Tentulah mati aku ini kelaparan,,.

Kata ular itu di-sampaikan katak kepada raja-nya. Maka datanglah raja katak mendapatkan ular.

“Bagaimana mula-nya maka engkau kena sumpah?,, tanya raja katak.

“Pada suatu hari hamba memburu sa-ekor katak. Binatang itu lari ka-rumah sa-orang pertapa tua. Ketika itu hari telah hampir malam. Waktu hamba mengejar-nya, nampak oleh hamba sa-suatu yang bergerak. Sangka hamba benda itu katak yang hamba kejar, lalu hamba terkam. Rupa-nya tangan anak pertapa itu yang kena gigi hamba. Anak itu pun matilah kena bisa gigi hamba, dan hamba pun larilah. Tetapi hamba di-kejar oleh pertapa itu. Kerana hamba tiada tertangkap oleh-nya, di-sumpah-nya hamba. “Oleh kerana engkau telah membunuh anakku yang tiada berdosa”, kata-nya, “aku minta kepada Tuhan di-jadikan-nya engkau hina selama-lama-nya, sahingga jadi kenderaan raja katak jugalah engkau hendak-nya, dan sejak ini ka-atas sa-ekor katak pun tiada akan dapat engkau tangkap lagi, kechuali apa yang di-beri oleh raja katak itu kepada-mu”. Demikianlah sumpah-nya.

“Itulah sebab-nya maka hamba datang ka-mari menyerahkan diriku supaya menjadi keenderaan tuanhamba”.

Sangat girang hati raja katak mendengar kata ular demikian. Ketika itu jua naiklah ia ka-atas kepala musuh lama-nya itu dan

bersiarlah ia keliling kolam. Setelah puaslah ia berkeenderaan, berkatalah ular kepada raja katak: "Tuanhamba telah mengetahui bahawa hamba tiada dapat menchari makan lagi. Oleh sebab itu berilah hamba makan supaya hamba jangan mati kelaparan,,

"Sabener-nyalah katamu itu", jawab raja katak, lalu di-perentahkan-nya memberikan dua ekor katak tiap hari untuk makanan ular itu. Sejak hari itu senanglah hidup ular, dan tiadalah rugi-nya ia merendahkan dirinya kepada musuh. Sebalek-nya ialah yang beruntung kerana terpelihara hidup-nya.

"Demikian pulalah tuanku, patek merendahkan diri kepada musuh, tiada lain sebab-nya melainkan untuk menchapai apa yang kita maksudkan juga, ya'ni kasejahteraan kita dan kebinasaan musuh. Untuk melawan musuh tidak ada senjata yang lebih baik daripada sifat merendah. Api, sekalipun bagaimana juga nyala-nya tiada ia membinasakan melainkan bahagian pohon yang di-atas tanah jua. Tetapi ayer, sekalipun chair dan lembut dapat menumbangkan dan menghanyutkan pohon itu dengan akar-akar-nya sakali. Empat perkara tiada boleh di-pandang kechil, api, penyakit, musuh dan hutang. Apabila

ada dua orang sama-sama menuju kepada sa-suatu maksud, maka yang lebih mulia budi-nya itulah yang sampai lebih dahulu. Jika sama mulia budi-nya, maka yang lebih kuat kemahuan-nya, dan jika sama kuat kemahuan-nya, maka yang lebih sungguh berusaha. Orang pandai-pandai berkata pula, barangsiapa yang mahu memerangi raja yang bijaksana, berani, lagi sabar, maka ia menchelakakan diri-nya sendiri. Istimewa raja yang seperti tuanku, yang pandai menempatkan sa-suatu pada tempat-nya, tahu menimbang buruk dengan baik-nya”.

“Semua itu, hai menteriku, adalah dengan nasehat dan tuntunanmu juga, nasehat cherdik pandai ia lebih berguna dari pada bala tentera beribu-ribu. Sungguhpun demikian ingin juga aku hendak mengetahui bagaimana jalan-nya dapat engkau mengunchi lidahmu, tidak terlumpat dari mulutmu agak sapatah kata pun juga, menjawab kata-kata burung hantu yang menyakitkan hati itu”.

“Itu semua adalah barmat petunjuk duli tuanku juga”, jawab menteri gagak. “Tuanku telah menasehatkan, dekatilah karib dan abid dan dengan berlaku lemah lembut dengan perbuatan yang baik”.

“Berbahagialah engkau hai menteriku”, kata raja. “Engkaulah sa-orang yang pandai bekerja, bukan seperti yang lain yang hanya pandai berkata-kata. Barkat tipu muslihatmu, kita telah di-anugrahi Tuhan keamanan, pada hal dahulu tak pernah makan kita sedap, tak pernah tidur kita nyenyak. Dahulu kita sakit, kerana orang sakitlah yang tidak dapat merasakan enak-nya makan sampai ia sembuh. Akan sekarang telah sembuhlah kita. Orang yang terpelihara daripada musuh-nya tenang hati-nya”.

“Ampun tuanku, patek méndoakan kepada Tuhan yang telah membinasakan musuh tuanku mudah-mudahan barang di-kekalkannya juga kira-nya tuanku di-atas singgahsana dalam bahagia yang sempurna, berbahgia pula hamba ra'ayat barkat perintah tuanku yang adil, hingga sama-sama dapat mereka merasa bahagia dengan tuanku. Ada pun raja yang tiada turut ra'ayat-nya bersama-sama berbahagia dengan dia, maka tiadalah raja itu akan sejahtera kedudukannya, dan tiada akan kekal singgahsana-nya. Mudah-mudahan di-kabulkan Tuhan kira-nya doa patek itu. Amin,,.

